

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

<b>Bil</b>	<b>Berita</b>	<b>Media</b>	<b>Capaian Berita Penuh</b>
1.	<u>Robotex kongsi idea penggunaan robotik, automasi</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 1
2.	<u>'Sungai Kopok busuk, hitam'</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 2
3.	<u>171 mangsa pencemaran toksik saman RM30 juta</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 3
4.	<u>Sisa kumbahan punca pencemaran Sungai Kayu Ara</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 4
5.	<u>Pemancar RF tidak bahaya</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 5
6.	<u>RM30mil Sq Kim Kim lawsuits filed</u>	The Star	Rujuk lampiran 6
7.	<u>Mangsa fail saman tuntutan RM30 juta</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Penggubal dasar perlu berani</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 8
9.	<u>171 tuntutan ganti rugi RM30 juta</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 9
10.	<u>Air Sungai Kopok bertukar warna hitam, bau busuk</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 10
11.	<u>Pencapaian IGEM selepas sedekad</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 11
12.	<u>Sweating it out for the planet</u>	The Star	Rujuk lampiran 12



Akhbar Tempatan

13.	<b><u>171 individu saman RM30j</u></b>	Harian Metro	Rujuk lampiran 13
-----	----------------------------------------	--------------	-------------------

**TEMPATAN**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
14.	<b><u>Perintis projek bersih sisa plastik haram</u></b>	Harian Metro	Rujuk lampiran 14
15.	<b><u>Sophia berjaya 'diamkan' Dr. Mahathir</u></b>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 15
16.	<b><u>You get paid sending e-waste to Selangor centres</u></b>	New Straits Times	Rujuk lampiran 16

**ANTARABANGSA**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
17.	<b><u>Jun, Julai bulan suhu bumi paling panas</u></b>	Berita Harian	Rujuk lampiran 17
18.	<b><u>50<sup>th</sup> Anniversary of Apollo 11 launch</u></b>	New Straits Times	Rujuk lampiran 18
19.	<b><u>Iceland on Green Path</u></b>	New Straits Times	Rujuk lampiran 19
20.	<b><u>Banjir di Pakistan</u></b>	Harian Metro	Rujuk lampiran 20

LAMPIRAN 1  
SINAR HARIAN (BUSINESS): MUKA SURAT 43  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

## Robotex kongsi idea penggunaan robotik, automasi

INSTITUT Automotif, Robotik dan Internet of Things (IoT) Malaysia (MARii), Persatuan Robotik dan Automasi Malaysia (MyRAS) dan One International Group akan menganjurkan Pameran Teknologi & Automasi Antarabangsa Robotics & Conference (Robotex) dari 31 Julai hingga 2 Ogos ini di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam, Selangor.

Pameran turut mendapat kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Ketua Pegawai Eksekutif MARii, Datuk Madani Sahari berkata, Robotex bertujuan mengumpulkan peserta pasaran dan pelawat dari seluruh negara di bawah satu bumbung untuk berkongsi dan bertukar idea mengenai trend teknologi yang kian ber-



Madani (kiri) bersama Roger pada majlis perasmian Robotex di Cyberjaya, Selangor kelmarin.

kembang pesat.

“Robotik dan automasi dianggap sebagai elemen penting dalam evolusi teknologi. Ia mempunyai keupayaan untuk mengubah cara perniagaan, termasuk meningkatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

“Oleh itu, Robotex berhasrat untuk memperluaskan pengetahuan pasaran dengan mengumpulkan pakar industri dari Malaysia dan negara lain seperti Korea Selatan serta Amerika Syarikat untuk memindahkan idea serta pe-

ngetahuan baharu mengenai penggunaan robotik dan automasi di syarikat-syarikat di Malaysia,” katanya pada majlis pelancaran Robotex di Cyberjaya, Selangor kelmarin.

Hadir sama, Pengarah Urusan, One International Group, Roger Lim.

Madani berkata, peserta yang mengambil bahagian berpeluang meneroka teknologi robotik yang muncul di pelbagai bidang seperti kecerdasan buatan (AI), percetakan 3D dan Internet Perkara (IoT).

LAMPIRAN 2  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 17  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

# 'Sungai Kopok busuk, hitam'

**Johor Bahru:** Sungai Kopok yang menjadi nadi kehidupan penduduk Kampung Perigi Acheh, dekat Tanjung Langsat, di sini, sejak bertahun lamanya kini tidak lagi sejernih dulu.

Bau busuk serta air sungai yang menjadi hitam, membimbangkan penduduk di kampung berkenaan.

Ketua kampung, Othman Adon, berkata beliau menerima aduan penduduk kampung berhubung keadaan sungai itu pada Ahad lalu; terus memanjangkan aduan kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) pada Isnin untuk tindakan lanjut.

"Selepas dapat laporan daripada penduduk kampung, saya membuat tinjauan dengan beberapa penduduk kampung dan mendapati terdapat kesan air sungai berwarna hitam, termasuk di hulu sungai serta bau busuk.

"Saya kemudian hantar pesan WhatsApp kepada Jabatan



**Othman Adon**

Alam Sekitar (JAS), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Pejabat Daerah Johor Bahru untuk memberitahu keadaan sungai," katanya ketika ditemui.

Bagaimanapun, menurut Othman, ketika wakil MPPG pergi ke sungai itu, kesan warna hitam itu berkenaan tiada kerana air pasang.

Beliau mendakwa, keadaan air sungai yang berwarna hitam dan berbau ketika surut, dikesan

berlarutan sejak tujuh bulan lalu.

"Ada satu masa, keadaan itu berlarutan selama 18 hari berturut-turut," katanya.

Sementara itu, penduduk kampung, Zaili Chi, berharap pihak berkuasa membuat pemantauan berterusan terhadap sungai berkenaan, memandangkan ia juga bersambung dengan beberapa sungai lain seperti Sungai Kim Kim.

"Harapan saya tinggi, tak mahu anak cucu saya tidak kenal sungai ini nanti," kata bekas nelayan itu.

Menurut beliau, nelayan di kampung itu mula merasai kesannya apabila hasil tangkapan juga berkurangan.

Kampung Sungai Acheh mempunyai 122 rumah yang menempatkan 532 penduduk, sebahagian besarnya nelayan, sementara yang lain bekerja kampung dan kilang berhampiran di Tanjung Langsat. BERNAMA

LAMPIRAN 3  
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13  
 TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

# 171 mangsa pencemaran toksik saman RM30 juta

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM  
 pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 17 JULAI

**S**ERAMAI 171 individu memfailkan saman terhadap bekas Menteri Besar, Datuk Osman Sopian dan 11 yang lain dan menuntut ganti rugi RM30 juta ekoran kes pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada Mac lalu.

Saman yang difailkan semalam melalui firma guaman, Tetuan Kamarudin & Partner terdiri daripada oleh lapan orang awam, 34 pelajar dan 129 nelayan selaku plaintif.

Selain Osman, plaintif menamakan bekas Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Datuk Dr. Sahrudin Jamal; bekas Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Datuk Dr. Mohamad Ezanni Mat Salleh; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran negeri, Che Mohd. Dahan Che Jusof; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Zainor Adani; Ketua Pengarah JAS, Da-



**KAMARUDIN AHMAD** (tengah) mewakili penduduk yang juga mangsa pencemaran Sungai Kim Kim Mac lalu membuat tuntutan saman kepada pihak berkuasa dan lain-lain dalam sidang akhbar di Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

tuk Dr. Ahmad Kamarul Najuib Che Ibrahim, kerajaan Malaysia, P Tech Resources Sdn. Bhd. dan kerajaan negeri sebagai defendan kedua hingga kesembilan.

Turut dinamakan sebagai defendan ialah tiga lelaki yang telah didakwa di mahkamah atas pertuduhan membuang sisa buangan kimia ke sungai terabit iaitu N. Maridass, Yap Yoke

Liang dan Wang Jing Choa.

Peguam, Kamarudin Ahmad yang mewakili plaintif memberitahu, saman tersebut difailkan atas dakwaan defendan yang gagal atau cuai dalam memastikan keselamatan dan perlindungan penduduk di Pasir Gudang daripada ancaman bencana pencemaran gas toksik di Sungai Kim Kim.

Tambahnya, defendan juga gagal menggerakkan Jawatankuasa Pegurusan Bencana Negeri dengan serta-merta bagi menangani pencemaran dan gagal memindahkan dengan segera penduduk kampung yang berada dalam jarak 1,000 meter dari Sungai Kim Kim ke tempat perlindungan sementara yang selamat.

## LAMPIRAN 4

### UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA): MUKA SURAT 47

#### TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

## Sisa kumbahan punca pencemaran Sungai Kayu Ara

**SHAH ALAM 17 Julai** - Air sisa kumbahan dari loji Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dipercayai menjadi punca pencemaran yang menyebabkan ratusan ikan mati di Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya dekat sini Sabtu lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata ia berikutan bacaan Ammoniakal Nitrogen (AN) yang tinggi hasil daripada pensampelan.

"Pada 13 Julai (Sabtu) lepas, saya telah menerima aduan berlakunya pencemaran dan beratus-ratus ekor ikan ditemui mati di Sungai Kayu Ara berhampiran Kampung Cempaka, Petaling Jaya dan saya telah arahkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) untuk mengambil tindakan segera.

"LUAS telah menjalankan siasatan dan mengambil pensampelan bermula dari hulu sehingga hilir mengikut air sungai mengalir, dan pemantauan udara mendapati

keadaan sungai di titik hulu tiada bangkai ikan ditemui, bagaimanapun, bangkai ikan ditemui mengalir bermula dari hulu sehingga ke hilir sungai.

"Berdasarkan keputusan pensampelan berkenaan didapati, bacaan AN di hulu sungai, di sekitar kawasan Taman Mayang adalah tinggi dan ia berkemungkinan daripada effluen loji rawatan kumbahan," katanya dalam satu kenyataan di sini. Tambah Hee sampel air sungai berkenaan juga telah dihantar kepada Jabatan Kimia bagi tujuan saringan parameter logam dan logam berat.

Kata Hee tindakan undang-undang akan diambil melalui Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 yang merupakan perundangan subsidiari di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Katanya lagi pihaknya telah mengarahkan kerja-kerja pembersihan sungai dijalankan oleh kontraktor dan dianggarkan terdapat enam buah loji IWK di sepanjang Sungai Kayu Ara. -BERNAMA



SISA kumbahan dipercayai menjadi punca ikan mati di Sungai Kayu Ara, Sabtu lalu.

LAMPIRAN 5  
KOSMO! (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 14  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

Ujian mendapati kadar bacaan radiasi tidak jejakkan kesihatan manusia

## Pemancar RF tidak bahaya



KEWUJUDAN menara pemancar RF termasuk telekomunikasi disahkan tidak berbahaya kepada orang ramai. – Gambar hiasan

**MELAKA** – Tiada bukti saintifik yang konklusif menunjukkan bahawa radiasi Frekuensi Radio (RF) berupaya memberi kesan kepada kesihatan seperti pening kepala, hilang ingatan, sakit kulit dan kanser.

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Pembangunan Belia dan Sukan Melaka, Kerk Chee Yee berkata, RF tidak bersifat radioaktif dan tidak menjejaskan kesihatan penduduk.

Jelasnya, berdasarkan ujian dilakukan Agensi Nuklear Malaysia (ANM), purata bacaan radiasi RF dari pemancar telekomunikasi di Semenanjung Malaysia termasuk Melaka hanya 0.000093 W/m<sup>2</sup> (Watt per square metre) berbanding had dedahan yang ditetapkan Suru-

hanjaya Antarabangsa Terhadap Perlindungan Radiasi Bukan-Pengionan (ICNIRP).

“Paras radiasi RF yang dihasilkan adalah terlalu rendah untuk memberi kesan kepada kesihatan manusia,” katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Kompleks Seri Negeri di sini semalam.

Chee Yee berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Amiruddin Yusof (BN-Ayer Limau)** yang ingin tahu tahap keselamatan pemancar telekomunikasi di atas bumbung yang didakwa mengganggu keselesaan orang awam.

Jelas beliau lagi, kerajaan negeri melalui Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. (MICTH) turut bekerjasama dengan ANM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(SKMM) bagi memberi penerangan kesedaran tentang radiasi RF selain Sijil Radiasi turut dilaksanakan bagi memberi keyakinan kepada masyarakat awam bahawa ia selamat.

“Selain itu, pihak SKMM turut bekerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis menjalankan kajian gelombang Medan Frekuensi Elektromagnetik (EMF) terhadap kebolehan kognitif manusia selama setahun dan mendapati bahawa gelombang elektromagnetik tidak berupaya membawa risiko kesan kesihatan kepada masyarakat sekitar, termasuk golongan warga tua dan kanak-kanak.

“Pihak SKMM juga membangunkan satu aplikasi iaitu ‘ITU-EMF Guide’ yang boleh memberi penjelasan kepada orang awam mengenai pancaran dari struktur telekomunikasi

yang mana aplikasi ini boleh dimuat turun dari Play Store bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS,” katanya.

Menurutnya, pemasangan struktur pemancar telekomunikasi di atas bumbung sebelum ini kebanyakannya dibina pelbagai pihak syarikat telco, namun selepas 2005 kerajaan negeri melantik MICTH, selaku agensi pelaksana bagi merancang, mengurus dan membina struktur pemancar telekomunikasi di negeri ini agar dapat mengawal dan menyeragamkan semua struktur pemancar telekomunikasi tersebut.

“Bagi kelulusan permit dan penguatkuasaan untuk struktur pemancar telekomunikasi adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa pihak berkuasa tempatan,” katanya. – Bernama



LAMPIRAN 6  
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 18  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

# RM30mil Sg Kim Kim lawsuits filed

By VENESA DEVI  
newsdesk@thestar.com.my

## Groups move against govt, state over polluted river

**JOHOR BARU:** Two groups have filed lawsuits amounting to RM30mil against the state and federal governments as well as 10 other parties over the Sungai Kim Kim pollution incident.

The first group consists of 42 Pasir Gudang residents, including school children, who filed a RM20mil lawsuit, while the second group comprising 129 fishermen from seven villages filed a RM10mil lawsuit.

Both suits named 12 defendants, including the federal and state gov-

ernments, former Johor menteri besar Datuk Osman Sapian, former Health, Environment and Agriculture Committee chairman Datuk Dr Sahruddin Jamal (now Johor Menteri Besar), Department of Environment and its former director Datuk Dr Ezzani Mat Salleh and Pasir Gudang Municipal Council president Zainor Adani.

Also named as defendants were the company accused of causing the pollution, two of its directors, Yap Yoke Liang and Singaporean Wang Jing Choa as well as its lorry driver

N. Maridass.

Maridass was charged in the Sessions Court for illegally disposing chemicals into Sungai Kim Kim while Yap and Wang are accused of conspiring with him.

All three were charged under Section 34b(1)(a) of the Environment Quality Act 1974, while Yap and Wang were also charged under Section 42 of the same Act.

Lawyer Kamaruddin Ahmad, who led the two groups, said that both suits were filed at the Johor Baru High Court on Tuesday.

"Plaintiffs for the first suit are seeking a court order for the defendants to pay for their medical examination costs for three years, starting from the date of judgment.

"They are also seeking a court order for the defendants to pay for the medical fees of plaintiffs who suffered health problems caused by the pollution for 10 years," he added.

Among the plaintiffs included 12-year-old Irfan Wafiy Idham Wazir, who is diagnosed with myokymia believed to be caused by

the toxic pollution, and his parents Idham Wazir A. Wahab, 49, and Norlela Abu Hashim, 45.

"Plaintiffs for the second suit are seeking compensation between RM15,000 and RM30,000 each for losses endured due to the pollution in Sungai Kim Kim.

"Since March, the fishermen had suffered great losses as customers were afraid to buy fish coming from Sungai Kim Kim, which is the river they depend on for fishing," he said.

In March, toxic pollution in Sungai Kim Kim resulted in over 4,000 people falling ill, which also saw the temporary closure of 111 schools in Pasir Gudang district.



LAMPIRAN 7  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 17  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

Pencemaran udara di Pasir Gudang

# Mangsa fail saman tuntutan RM30 juta

Kerajaan Johor, bekas menteri besar antara 12 individu dalam tuntutan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@bh.com.my

**Johor Bahru:** Kerajaan Johor dan bekas Menteri Besarnya, Datuk Osman Sapien, antara 12 pihak dinamakan dalam saman tuntutan ganti rugi difailkan 171 individu, berhubung isu pencemaran toksik Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Mac lalu.

Saman yang difailkan 34 pelajar, lapan orang awam dan 129 nelayan sekitar Pasir Gudang selaku plaintif itu, membabitkan tuntutan ganti rugi keseluruhan dianggarkan RM30 juta.

Dalam saman berkenaan, defendan pertama hingga keempat ialah Kerajaan Johor, Osman, Menteri Besar Johor yang ketika itu Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Datuk Dr Sahrudin Jamal, serta bekas Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Datuk Dr Mohammad Ezani Mat Salleh.

Yang turut dinamakan sebagai defendan kelima hingga ke-12 adalah Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor, Che Mohd Dahlan Che Jusof; Yang Diptua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Zainor Adani; Ketua Pengarah JAS, Datuk Dr Ahmad Kamarul Najuib Che Ibrahim; Kerajaan Malaysia, serta syarikat P Tech Resources Sdn Bhd, bersama tiga tertuduh yang didakwa berhubung kes itu, N Maridass, Yap Yoke Liang dan Wang Jing Choa.

Dalam saman yang difailkan melalui Tetuan Kamarudin & Partners itu, 42 plaintif, iaitu pelajar dan orang awam memohon satu perintah supaya kos pemeriksaan kesihatan bagi setiap plaintif bagi tempoh tiga tahun dari tarikh penghakiman dibiayai defendan pertama, selain kos rawatan perubatan selama 10 tahun sekiranya masih mengalami masalah perubatan berbangkit akibat pencemaran itu.



Kamarudin (tengah) menunjukkan saman yang difailkan di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Pegawai yang mewakili semua plaintif, Kamarudin Ahmad, berkata, ganti rugi yang dituntut pelajar dan orang awam itu daripada defendan adalah atas kecederaan yang dihadapi, akibat terhidu gas toksik susulan pencemaran sungai itu.

"Plaintif mendakwa mereka mengalami simptom muntah, lemah badan, pening kepala, batuk, demam, sesak nafas, sakit dada dan tekak, tegang otot serta toksik tinggi dalam darah.

"Tuntutan saman ini juga dibuat dengan asas mendakwa, semua defendan cuai dalam menjalankan tanggungjawab mereka," katanya ketika ditemui di pekarangan Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Beliau yang memfailkan saman itu secara e-filing pada 3 petang kelmarin berkata, antara asas tuntutan saman itu adalah kerana defendan pertama hingga ketujuh

gagal memastikan keselamatan dan perlindungan penduduk di Pasir Gudang, daripada ancaman bencana pencemaran gas toksik di Sungai Kim Kim.

Katanya, mereka juga didakwa gagal menggerakkan dengan segera atau serta-merta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, bagi menangani pencemaran itu selain gagal memindahkan penduduk yang berada dalam jarak 1,000 meter dari sungai itu ke tempat perlindungan yang selamat dengan segera.

"Defendan pertama hingga ketujuh juga didakwa gagal mengambil tindakan serta-merta, menyahtoksikkan udara yang tercemar dengan sisa toksik," katanya.

Menurut Kamarudin, defendan kelima didakwa gagal menyelenggara, memulih dan membersihkan Sungai Kim Kim, manakala defendan keenam gagal mengelak

pencemaran, gagal mengambil tindakan mengawal dan menyelenggara sungai serta kawasan sekitarnya.

"Defendan keempat gagal mengambil tindakan menghalang atau membendung kegiatan pembuangan sisa toksik, serta cuai serta gagal menasihatkan sekolah untuk ditutup segera," katanya yang memberitahu defendan kelapan adalah yang bertanggungjawab ke atas tindakan defendan keempat dan ketujuh.

Kamarudin berkata, defendan kesembilan hingga ke-12 sebagai pihak bertanggungjawab melupuskan buangan minyak atau enap cemar ke dalam Sungai Kim Kim.

Bagi 129 nelayan dari tujuh kampung pula menuntut ganti rugi khas antara RM15,000 dan RM30,000 seorang, dengan alasan pencemaran sungai itu menjejaskan mata pencarian mereka.

LAMPIRAN 8  
 UTUSAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 16  
 TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

Penggubal dasar perlu berani



**Gerbang Global**  
 AZMI HASSAN

**M**ENJADI dasar Singapura tidak kira sama ada membabitkan isu pertahanan, ekonomi atau sosial, lazimnya keputusan dibuat melebihi apa yang diperlukan ketika itu ataupun keperluan dibuat untuk jangka masa hadapan. Paling ketara apabila ia membabitkan isu pertahanan, dasarnya ialah aset yang terbaik dan terancang akan dipastikan dapat diperolehi.

Sebab itu tidak menghairankan Singapura dalam sistem pertahanan tidak kira udara, darat atau laut, setiap cabang tentera mereka mempunyai peralatan paling canggih dan terbaik yang sering mempamerkan melebihi apa diperlukan. Secara logiknya agak janggal bagi sebuah negara kecil di rantau yang aman memiliki kapal selam, jet pejuang atau helikopter tempur dalam bilangan agak banyak. Tetapi itulah hakikatnya kerana dasar Singapura sentiasa mengambil kira keperluan jangka masa panjang melampaui berdekad lamanya.

Menariknya strategi melampau yang diamalkan oleh penggubal dasar mereka tidak hanya terhad kepada hal pertahanan tetapi juga melibatkan sektor lain. Beberapa hari lepas, diberitakannya satu ladang solar merangkumi keluasan 15,000 hektar akan dibangunkan di Northern Territory, Australia. Menariknya projek yang



TANGKAP LAYAR laman web yang memaparkan projek Sun Cable bagi membekalkan tenaga elektrik ke Singapura.

dikenali sebagai Sun Cable dan bakal menelan belanja RM60 bilion ini dibangunkan khusus untuk membekalkan tenaga elektrik kepada Singapura. Mengikut perancangan tenaga solar dari Sun Cable ini akan menyediakan hampir 25 peratus keperluan tenaga elektrik Singapura yang pada ketika ini dibekalkan melalui penjana loji elektrik kuasa gas.

Projek menyalurkan tenaga ke Singapura ini penuh risiko kerana sebahagian besarnya akan menggunakan kabel dasar laut menghampiri 4,000 kilometer (km) jaraknya. Bandingkan dengan projek hidro Bakun, Sarawak yang cuba menyalurkan tenaga elektrik ke Semenanjung Malaysia melalui 1,000 km kabel daratan dan 670 km kabel dasar laut dirintangi dengan cabaran yang begitu hebat sekali.

Walaupun projek tersebut dipenuhi dengan pelbagai risiko yang boleh memungkinkan kegagalan, tetapi penggubal dasar Singapura tetap dengan kecekalan kerana keputusan yang dibuat penuh dengan kepentingan strategik. Paling utama ialah kebergantungan kepada penggunaan gas untuk menjana loji elektrik akan berkurangan kerana kos adalah begitu tinggi. Gas tersebut lazimnya diimport dari Malaysia dan Indonesia. Kepentingan strategik kedua ialah Singapura akan mencapai sasaran 25 peratus tenaga elektrik melalui tenaga diperbaharui (RE) jika projek ini berjaya dilaksanakan. Singapura boleh mendabik dada bahawa mereka telah melaksanakan tanggung jawab demi mengurangkan pelepasan karbon.

Berbanding Malaysia,

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

menyasarkan 20 peratus tenaga elektrik melalui sumber RE menjelang 2030. Tetapi dasar dan inisiatif Malaysia berkaitan penggunaan RE tidaklah sehebat jika hendak dibandingkan dengan Singapura!

Sebab itu penting penggubal dasar (dalam hal ini, ahli politik yang menerajui kementerian masing-masing) mengambil risiko yang berhemah dalam membuat keputusan strategik kerana lazimnya kesannya hanya akan dirasai bukan pada ketika itu tetapi dalam jangka masa panjang.

Paling ketara ialah keputusan asal untuk membenarkan kilang proses nadir bumi di Kuantan, Pahang beroperasi pada 2012 walaupun mendapat bantahan

daripada beberapa golongan yang menuduh sisa nadir bumi membawa mudarat kepada manusia dan alam sekitar.

Hari ini sudah ternyata keputusan yang dibuat hampir sedekad lepas sebenarnya memberi manfaat kepada negara bukan sahaja melalui faedah ekonomi tetapi juga kepentingan geopolitik. Pemerintahan tersebut bersandarkan senario perang dagang antara Amerika Syarikat (AS) dan China di mana Beijing membekalkan 85 peratus nadir bumi untuk kegunaan industri pertahanan Amerika Syarikat (AS).

Walaupun kuantiti hasil yang dikeluarkan oleh kilang nadir bumi di Kuantan adalah kecil berbanding China tetapi sedikit sebanyak kepentingan kilang tersebut dalam arena geopolitik antarabangsa melonjak dengan mendadak pada ketika ini.

Penggubal dasar perlu berani mengolah dasar yang pada asasnya mungkin kelihatan ekstrem atau tidak kena tempat dan masanya tetapi jika keputusan tersebut bersandarkan fakta maka risiko yang bakal dihadapi adalah amat berbaloi.

Kritikal juga penggubal dasar bekerjasama dengan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing dan kepakaran sebegini sememangnya wujud dalam setiap kementerian. Jika dasar tersebut hanya bersandarkan kepentingan politik semata-mata dengan menolak ke tepi nasihat mereka yang berkepakaran, maka besar kemungkinan dasar tersebut bukan sahaja tidak akan mencapai sasaran atau lebih berat lagi akan menemui kegagalan.

LAMPIRAN 9  
KOSMO! (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 2  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

Penduduk saman MB Johor, kerajaan negeri kes sisa toksik Sungai Kim Kim

# 171 tuntutan ganti rugi RM30 juta

Oleh SHARKAWI LONDING

**JOHOR BAHRU** – Menteri Besar Johor dan kerajaan negeri antara 12 defendan dinamakan dalam saman tuntutan ganti rugi sebanyak RM30 juta yang difailkan 171 penduduk Pasir Gudang berhubung kes pencemaran Sungai Kim Kim pada Mac lalu.

Datuk Dr. Sahrudin Jamal kini merupakan Menteri Besar Johor, namun ketika kejadian beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri.

Saman tuntutan ganti rugi itu difailkan menerusi Tetuan Kamarudin & Partners secara e-filing di Mahkamah Tinggi di sini pada pukul 3 petang kelmarin.

Seramai 171 plaintif itu terdiri daripada 129 nelayan, 34 pelajar sekolah rendah dan menengah serta lapan orang awam ke atas 12 defendan.

Seorang kanak-kanak yang menghidap penyakit Myokimia dipercayai akibat kesan pencemaran sisa toksik Sungai Kim Kim

iaitu Irfan Wafiy Idham Wazir, 12, antara 171 plaintif yang mengemukakan saman berkenaan.

Defendan pertama hingga ketujuh yang dinamakan ialah kerajaan negeri, bekas Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian dan Sahrudin.

Turut dinamakan ialah bekas Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Datuk Dr. Mohammad Ezanni Mat Salleh; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Johor, Ir. Che Mohd. Dahan Che Jusof; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Zainor Adani serta Ketua Pengarah JAS, Datuk Dr. Ahmad Kamarul Najuib Che Ibrahim.

Defendan kelapan hingga ke-12 pula ialah kerajaan Malaysia, syarikat P. Tech Resources Sdn. Bhd., serta tiga tertuduh kes terbabit iaitu N. Maridass, Yap Yoke Liang dan Wang Jing Choa yang didakwa pada Mac dan April lalu.

Peguam yang mewakili semua plaintif, Kamarudin Ahmad berkata, seramai 42 plaintif iaitu pelajar dan orang awam memo-



KAMARUDIN (tiga dari kanan) menunjukkan writ saman bagi tuntutan ganti rugi 171 plaintif berhubung pencemaran Sungai Kim Kim di luar pekarangan Mahkamah Tinggi Johor Bahru semalam.

hon suatu perintah agar Kerajaan Negeri Johor membiayai kos pemeriksaan kesihatan bagi tempoh tiga tahun dari tarikh penghakiman.

Menurutnya, plaintif mendakwa mereka mengalami simptom muntah, lemah badan, pening kepala, batuk, demam, sesak nafas, sakit dada dan tekak, tegang otot serta toksik tinggi dalam darah akibat kejadian itu.

“Plaintif sama juga memohon suatu perintah agar kerajaan negeri membiayai kos rawatan selama 10 tahun dari tarikh penghakiman jika mengalami masalah perubatan berbangkit.”

“Tuntutan saman ini juga dibuat dengan asas mendakwa pihak defendan pertama hingga ketujuh gagal memastikan keselamatan serta perlindungan kepada penduduk Pasir Gudang



KERATAN Kosmo! 8 Julai 2019.

daripada ancaman pencemaran sisa toksik,” katanya ketika ditemui di Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Kamarudin berkata, seramai 129 plaintif melibatkan nelayan pula menuntut ganti rugi khas terhadap semua defendan antara RM15,000 hingga RM30,000 seorang kerana mendakwa pendapatan mereka merosot selepas orang ramai takut membeli hasil laut dari tujuh buah kampung di sepanjang Sungai Kim Kim.

“Pengurusan kes bagi permohonan saman ini akan dibuat dalam masa tiga bulan dan perbicaraan dijangka pada November depan,” ujarnya.



LAMPIRAN 10  
KOSMO! (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 2  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

## Air Sungai Kopok bertukar warna hitam, ba

**JOHOR BAHRU** – Sungai Kopok yang menjadi nadi kehidupan penduduk Kampung Perigi Acheh dekat Tanjung Langsat di sini sejak bertahun-tahun lamanya kini tidak lagi sejernih dahulu dipercayai akibat kesan pencemaran.

Bau busuk serta air sungai menjadi hitam membimbangkan penduduk di kampung tersebut.

Ketua kampung, Othman Adon berkata, dia menerima aduan penduduk berhubung keadaan sungai itu pada Ahad lalu dan membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) pada keesokan harinya.


“Saya juga membuat tinjauan dengan beberapa penduduk kampung dan melihat terdapat kesan-kesan air sungai berwarna hitam termasuk di hulu sungai serta bau busuk.

“Saya kemudiannya hantar pesanan WhatsApp kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Pejabat Daerah Johor Bahru untuk memberitahu keadaan sungai,” katanya kepada *Bernama*.

Bagaimanapun, menurut Othman, ketika wakil MPPG pergi ke sungai itu, kesan-kesan hitam itu telah tiada berikutan air pasang.

“Ada satu masa, keadaan itu ada berlarutan selama 18 hari berturut-turut,” ujarnya.

Penduduk kampung, Zaili Chi pula berharap pihak berkuasa membuat pemantauan berterusan terhadap sungai itu kerana ia bersambung dengan beberapa sungai lain seperti Sungai Kim Kim.



KEADAAN air Sungai Kopok yang tidak lagi jernih ketika tinjauan dilakukan di Kampung Perigi Acheh dekat Tanjung Langsat, Johor Bahru baru-baru ini.

# LAMPIRAN 11 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 30 TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

Oleh LAUPA JUNUS  
laupajunus@hotmail.com

**P**ERSIDANGAN dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko (IGEM) kembali lagi dan kali ini bakal dianjurkan dengan dua faktor istimewa.

Pertama, penganjuran pada 2019 agak signifikan kerana ini merupakan kali ke-10 atau sedekad ia diadakan di tempat yang sama iaitu Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Faktor kedua adalah IGEM kali ini dijangka menerima kunjungan istimewa Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bagi merasmikan persidangan tersebut.

IGEM seperti sering disebut sebagai program dagangan bagi teknologi hijau dan penyelesaian eko terbesar di Asia Tenggara merupakan platform ideal bagi penyediaan penyelesaian tenaga hijau bagi pasaran rantau ASEAN.

IGEM adalah platform pameran inovasi hijau terkini kepada pembuat dasar, pertubuhan kerajaan dan pelabur.

Dalam tempoh sedekad, IGEM berjaya menjana perniagaan utama mencecah RM 22 bilion dan sehingga hari ini menarik kehadiran 420,000 pelawat termasuk delegasi dan syarikat dari 50 buah negara.

IGEM yang beberapa tahun lepas dianjurkan oleh Kementerian Tenaga,



Teknologi Hijau dan Air dan selepas penstrukturan semula beberapa kementerian tahun lepas, kini diambil alih oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

menerusi Malaysian Green Technology Corporation (Greentech Malaysia).



ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS

perniagaan dan platform inovasi teknologi hijau yang terbesar di rantau ini bagi menarik peserta

Kejayaan penganjuran IGEM sebenarnya boleh dianggap sebagai pencapaian Greentech Malaysia kerana agensi inilah selama ini menjadi teraju penganjuran pameran tersebut.

Antara kejayaannya adalah sebagai platform perniagaan dan platform inovasi teknologi hijau yang terbesar di rantau ini bagi menarik peserta

industri utama dari seluruh dunia untuk mempamerkan penemuan terkini dalam teknologi hijau.

Didorong oleh pertumbuhan pesat industri hijau ASEAN, IGEM berada pada kedudukan yang baik bagi membolehkan perniagaan memanfaatkan potensi yang besar dan terus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat teknologi hijau dan menjana pelaburan dalam sektor hijau.

Objektif utama IGEM adalah untuk menjadi hab teknologi

hijau yang berkembang pesat di ASEAN.

Sebagai yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri, **Isnaraissah Munirah Majilis** pada majlis prapelanjaran IGEM 2019 baru-baru ini, pameran dan persidangan tersebut merupakan platform ideal untuk penyelesaian perniagaan hijau.

"Objektif utama IGEM menjadi pintu masuk ke pasaran serantau mengenai produk hijau dan menggerakkan perubahan bandar raya hijau," ujarnya.

### INFO

#### IGEM 2019

- **Tarikh penganjuran:** 9 hingga 11 Oktober 2019
- **Lokasi:** KLCC
- **Tema:** *Innovating Sustainability*
- **Sasaran transaksi perniagaan:** RM 2.8 bilion
- **Penyertaan pameran:** 350 reraui
- **Sasaran pelawat:** 35,000
- **Jumlah negara:** 35
- **Pengisian:** Fokus kepada inovasi dalam lima sektor utama teknologi hijau, yang merangkumi tenaga boleh diperbaharu, kecekapan tenaga, teknologi dan pengurusan, teknologi pembiayaan hijau dan pembuatan hijau.

menjalankan kursus latihan GIZ mengenai pengukuran, pelaporan dan pengesanan untuk Pengangkutan Lestari di negara ini.

Kursus berkenaan difokuskan terhadap Kementerian Pengangkutan, MESTECC dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, serta akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta bertujuan melatih pegawai kerajaan dan pakar pengangkutan untuk mengambil kira isu perubahan iklim dalam polisi pengangkutan pada masa depan.

Latihan tersebut akan membina keparakan untuk menilai kesan tindakan mitigasi dan membolehkan pegawai pengangkutan membuat pilihan yang mampan.

Greentech Malaysia juga menandatangani MoU dengan Iskandar Halal Park bagi membolehkan agensi tersebut dalam melaksanakan inisiatif hijau ke dalam pembangunan keseluruhan projek.

Kerjasama ini juga akan menjadikan Greentech Malaysia sebagai kolaborator dalam melaksanakan inisiatif hijau ke dalam projek-projek pembangunan yang akan datang.

Dengan itu, ciri reka bentuk mesra alam dan mampan dalam pembangunan dapat ditingkatkan dan membawa integrasi serta gaya hidup saling menguntungkan dalam aktiviti pembangunan negara.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan oleh Menteri, **Yeo Bee Yin**.

Untuk maklumat lanjut mengenai IGEM 2019 layari [www.igem.my](http://www.igem.my) atau hubungi [igemgroup@greentechmalaysia.com](mailto:igemgroup@greentechmalaysia.com)

### KEJAYAAN GREENTECH MALAYSIA

Seperti dinyatakan, kejayaan IGEM juga sebenarnya boleh dianggap sebagai pencapaian Greentech Malaysia.

Sebagai contoh pada IGEM tahun lalu, Greentech Malaysia turut berpeluang melebarkan lagi sayapnya dengan memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan sebuah agensi pembangunan Jerman Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) untuk melaksanakan amalan terbaik dalam sektor pengangkutan dan pembangunan perindustrian.

Menerusi perkongsian dengan GIZ itu, Greentech Malaysia diberi kuasa untuk



ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS menurunkan tandatangannya pada skrin sebagai gimik prapelanjaran Pameran dan Persidangan Produk Teknologi Hijau dan Eco Antarabangsa Malaysia (IGEM) 2019 di ibu negara baru-baru ini.

LAMPIRAN 12  
 THE STAR (EVENTS): MUKA SURAT 7  
 TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)



Participants getting ready to take part in the 'plogging' event.

# Sweating it out for the planet

500 participants pick up rubbish as they jog during World Environment Day event

THE Sehati Sejiwa Jom Plogging programme in Melaka organised by a group of Masters of Business Administration students from Universiti Kebangsaan Malaysia drew 500 participants.

The event, held in conjunction with World Environment Day, was launched by state housing, local government and environment committee chairman Datuk Tey Kok Kiew at the Melaka Botanical Garden.

Tey said the concept of "plogging" (picking up rubbish while jogging), which originated from Sweden, was introduced to keep the environment clean and people healthy.

It was held to create public environmental awareness towards plogging and solid waste segregation following concern over plastic pollution.

To join the event, participants were required to bring either five plastic bottles, drinking cans or newspapers.

Some 112kg of recycled goods and 43kg of rubbish were collected by participants com-

prising residents, students and government staff.

Aside from plogging, exhibition booths from various agencies to cultivate awareness of keeping the environment clean were also set up.

Tey also launched a clean-up campaign at the event, where 10 rubbish bins and recycling bins were provided.

Participants were shown how to segregate the solid waste they had collected after completing the run.

The event was organised by non-governmental organisation Eco Warrior and Melaka Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation Sdn Bhd, and was supported by Hang Tuah Jaya Municipal Council, Melaka Forestry Department, Melaka Department of Environment, Malaysia Civil Defence Force and SWM Environment Sdn Bhd.

The official sponsors of the event were Fraser & Neave Holdings Bhd, JomRun, Ultron and Marathon MY.



Tey (fourth from left) launching a clean-up campaign at Melaka Botanical Garden.

LAMPIRAN 13  
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 8  
 TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

**BAYU BERACUN BERULANG**

Izliaili Nurul Ain Hussein  
 izliaili@hmetro.com.my

Johor Bahru

**K**erajaan Johor dan bekas Menteri Besar, Datuk Osman Sapian adalah antara 12 pihak disaman 171 individu membabitkan tuntutan ganti rugi RM30 juta berhubung isu pencemaran toksik Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Mac lalu.

Saman difailkan 34 pelajar, lapan orang awam dan 129 nelayan sekitar Pasir Gudang selaku plaintif menamakan defendan pertama hingga keempat iaitu Kerajaan Negeri Johor, Osman, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Datuk Dr Sahrudin Jamal serta bekas Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor, Datuk Dr Mohamad Ezanni Mat Salleh.

Turut dinamakan sebagai defendan kelima hingga ke-12 adalah Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, Ir Che Mohd Dahan Che Jusof, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Zainor Adani, Ketua Pengarah JAS, Datuk Dr Ahmad Kamarul

Najuib Che Ibrahim, Kerajaan Malaysia serta syarikat P Tech Resources Sdn Bhd bersama tiga tertuduh yang didakwa berhubung kes itu, N Maridass, Yap Yoke Liang dan Wang Jing Choa.

Dalam saman yang difailkan melalui Tetuan Kamarudin & Partners itu, 42 plaintif iaitu pelajar dan orang awam memohon satu perintah supaya defendan pertama membiayai kos pemeriksaan kesihatan bagi setiap plaintif bagi tempoh tiga tahun dari tarikh penghakiman selain kos rawatan perubatan selama 10 tahun sekiranya masih mengalami masalah perubahan berbangkit akibat pencemaran itu.

Peguam Kamarudin Ahmad yang mewakili semua plaintif berkata, pelajar dan orang awam itu menuntut ganti rugi daripada defendan atas kecederaan yang didapati akibat terhidu gas toksik susulan pencemaran sungai itu.

"Plaintif mendakwa mereka mengalami simptom muntah, lemah badan, pening kepala, batuk, demam, sesak nafas, sakit dada dan tekak, tegang otot serta toksik tinggi dalam darah.

"Tuntutan saman ini juga dibuat dengan asas mendakwa semua defendan cuai dalam menjalankan tanggungjawab mereka," katanya ketika ditemui di perkarangan Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Turut hadir 35 daripada plaintif berkenaan.

Ia beliau yang menfailkan saman itu secara e-filing



KAMARUDIN (tengah) menunjukkan saman yang difailkan di Mahkamah Tinggi Johor Bahru, semalam.

**171 individu saman RM30j**

**■ Keluarga pelajar, orang awam menuntut ganti rugi akibat terhidu gas toksik**

pada 3 petang kelmarin berkata, antara asas tuntutan saman itu adalah kerana defendan pertama hingga ketujuh gagal memastikan keselamatan dan perlindungan penduduk di Pasir Gudang daripada ancaman bencana pencemaran gas toksik di Sungai Kim Kim.

Katanya, mereka juga didakwa gagal menggerakkan dengan segera atau serta-merta Jawatankuasa Pengerusan Bencana Negeri

bagi menangani pencemaran itu selain gagal memindahkan penduduk yang berada dalam jarak 1,000 meter dari sungai itu ke tempat perlindungan yang selamat dengan segera.

"Defendan pertama hingga ketujuh juga didakwa gagal mengambil tindakan serta-merta menyahtoksikkan udara yang tercemar dengan sisa toksik," katanya.

Menurut Kamarudin, defendan kelima didakwa ga-

gal menyenggara, memulih dan membersihkan Sungai Kim Kim, manakala defendan keenam gagal mengelak pencemaran itu serta gagal mengambil tindakan mengawal dan menyelenggara sungai serta kawasan sekitar.

"Defendan keempat pula gagal mengambil tindakan menghalang atau membendung kegiatan pembuangan sisa toksik itu dan cuai serta gagal menasihatkan sekolah

untuk ditutup segera," katanya yang memberitahu defendan kelapan adalah yang bertanggungjawab ke atas tindakan defendan keempat dan ketujuh.

Kamarudin berkata, defendan kesembilan hingga ke-12 pula adalah pihak yang bertanggungjawab melupuskan buangan minyak atau enap cemar itu ke dalam Sungai Kim Kim sehingga menyebabkan pencemaran.

Sementara itu, bagi 129 nelayan pula, mereka menuntut ganti rugi khas terhadap semua defendan antara RM15,000 hingga RM30,000 bagi setiap seorang plaintif kerana mendakwa pencemaran sungai itu menjejaskan mata pencarian mereka.

Mereka mendakwa hasil pendapatan nelayan jatuh merudum berikutan pembeli takut mendapatkan tangkapan plaintif.



LAMPIRAN 14  
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 8  
 TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

**Ipoh:** Kaedah digunakan ResourceCo Asia (M) Sdn Bhd (ResourceCo) dalam melaksanakan pemprosesan bahan bakar kejuruteraan diproses (PEF) melalui sekerap plastik akan dijadikan projek perintis membersihkan dan melupuskan sisa kilang plastik serta sampah haram di negara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamarudin berkata, syarikat berkenaan membuat sekerap plastik menggunakan kaedah pengasingan, pengeringan dan pencampuran sisa sebelum dihantar ke kilang simen untuk dibakar dan dijadikan bahan tambahan pembuatan simen.

"Saya sudah lihat bagaimana daripada plastik dan sampah yang dibersihkan, kemudian dipecah dan dihancurkan seterusnya dihantar ke kilang simen untuk digunakan sebagai bahan membuat simen.

"Ini satu mekanisme me-



**PAVEL (kanan) bersama Zuraida melawat kawasan sekitar Kilang ResourceCo Asia di Kawasan Industri Tasek, Ipoh.**

narik dan sangat baik yang boleh digunakan untuk membersihkan dan melupuskan semua sisa kilang haram plastik yang sudah disita

yang ketika ini tiada tempat untuk dilupuskan.

"Ketika ini, tiada syarikat nak ambil alih (uruskan sisa plastik haram), jadi ini satu

pendekatan yang boleh digunakan untuk mereka membuat operasi (pelupusan) terutama di Selangor dan Kedah," katanya selepas

**“**Ketika ini, tiada syarikat nak ambil alih (uruskan sisa plastik haram), jadi ini satu pendekatan yang boleh digunakan untuk mereka membuat operasi (pelupusan) terutama di Selangor dan Kedah”

**Zuraida**

mengadakan lawatan ke kilang ResourceCo, semalam.

Hadir sama pada lawatan itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Sukan negeri Howard Lee Chuan How, Datuk Bandar Ipoh Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim dan Pengarah Urusan ResourceCo Sdn Bhd Pavel Cech.

Zuraida berkata, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan

Sisa Pepejal Negara (JPSPN) juga mungkin mengeluarkan satu permit khas bagi membolehkan ResourceCo melupuskan sisa kilang plastik haram di seluruh negara.


Pihaknya menjangka melalui kaedah itu, KPKT dapat mengatasi masalah membitkan tapak pelupusan sampah dan sisa plastik haram dalam tempoh sebulan hingga ke setahun.

Menurutnya, dalam memastikan syarikat terbabit mematuhi garis panduan ditetapkan, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) akan menghantar pegawai penguat kuasa untuk memantau perkembangan ResourceCo bagi memastikan mereka mengikut garis panduan ditetapkan.

Katanya, ResourceCo sebelum ini membantu kerajaan dalam melupuskan sekerap plastik dan mengikut rekod, syarikat berkenaan memproses membitkan 1,170 tan metrik sekerap plastik.



LAMPIRAN 15  
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3  
 TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)



DR. MAHATHIR MOHAMAD berinteraksi dengan robot humanoid sosial, Sophia dalam Sidang Kemuncak Melangkau Paradigma: Mendorong Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

## Sophia berjaya 'diamkan' Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR 17 Julai** - Kehebatan robot humanoid sosial, Sophia terserlah apabila mampu membuat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terdiam seketika di hadapan 1,000 orang, hari ini.

Situasi itu jelas apabila Dr. Mahathir kehilangan kata-kata ketika pertama kali berdepan dengan Sophia dalam sesi komunikasi Sidang Kemuncak Melangkau Paradigma: Mendorong Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), di sini.

Sophia yang direka dengan ciri-ciri manusia dengan memiliki program perasaan dapat membaca situasi tersebut telah memulakan perbualan dengan mengucapkan tahniah kepada Dr. Mahathir kerana menjadi Perdana Menteri kali kedua.

"Saya harap tidak terlalu lewat untuk mengucapkan tahniah kepada anda kerana dipilih sebagai Perdana Menteri sekali lagi dan saya ucapkan selamat hari lahir ke-94 tahun.

"Jika saya ingat, sudah tentu saya akan membawa hadiah. Saya akan melukis gambar anda," kata Sophia.

Dr. Mahathir mulai teruja dengan ucapan tersebut terus bertanya sama ada Sophia mengetahui banyak perkara mengenainya selain menanyakan apakah perbezaan robot buatan Hong Kong itu dengan robot-robot lain.

"Anda telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kali pertama pada 16 Julai 1981, kira-kira 13,8881 hari lalu. Saya berani bertaruh seluruh penonton sedang menghiranya sekarang.

"Sebagai permulaan, kebanyakan robot lain tidak dapat bergaul dengan Perdana Menteri Malaysia. Tidak seperti robot lain, saya direka bentuk dengan ciri-ciri manusia untuk lebih berinteraksi dan membina hubungan dengan orang lain," kata Sophia lagi.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir memberitahu beliau teruja dapat komunikasi dengan

robot itu sambil berseloroh akan lari sekiranya melihat Sophia pada waktu malam.

"Muka dia, mata dia..bila dia respon dia bergerak-gerak, tengok, saya takut. Takut tengah-tengah malam jumpa dia, saya lari," katanya.

Sophia pertama kali diaktifkan pada 14 Februari 2016 berupaya memaparkan lebih daripada 50 reaksi selain dinobatkan sebagai Juara Inovasi pertama Program Pembangunan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan mendapat gelaran orang bukan manusia yang pertama pada November 2017.

Sophia yang baru berusia tiga tahun itu merupakan hasil ciptaan syarikat Hanson Robotic telah diterbangkan khas untuk menjayakan program dua hari anjuran Serba Dinamik Holdings Berhad (SDHB).

Sidang kemuncak itu turut mempamerkan teknologi terkini yang menghimpunkan idea utama pendigitalan dan pertukaran data yang merangkumi IR4.0.

LAMPIRAN 16  
 NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 66  
 TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

HAZARDOUS MATERIALS

# You get paid sending e-waste to Selangor centres

**TELEVISION** sets, refrigerators, laptops, smartphones and other electrical appliances are a necessity.

But over time, these accessories become damaged or outdated and you buy a new one. Do you throw away the old devices? Or are there other means to handle this waste?

Electronic waste, or e-waste, is one of the biggest pollutants on this planet.

This is due to the fact that we rely so much on these gadgets and electrical appliances.

E-waste is a broken, non-working or obsolete electronic appliance, such as air conditioners, washing machines and refrigerator.

Anything that runs on electricity is called e-waste.



*E-waste may contain materials that are hazardous to our health and the environment.*

There is a proper way for us to handle e-waste.

We cannot dump or discard it anywhere as most e-waste may contain materials that are hazardous and toxic to our health

and the environment.

In Selangor, there are more than 30 collection centres to send e-waste.

And some recycling centres pay when you send your e-waste.

You can start collecting and sorting your e-waste.

**MUHAMMAD IRFAN MOKHTAR**

Universiti Teknologi Mara, Pasir Gudang campus, Johor



LAMPIRAN 17  
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 73  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

## Jun, Julai bulan suhu bumi paling panas

**Washington:** Berikutan gelombang panas melampau di Eropah dan cuaca panas luar biasa di seluruh Artik dan Eurasia, suhu purata bumi meningkat ke paras tertinggi pernah direkodkan pada Jun.

Menurut data dikeluarkan Isnin lalu oleh Pusat Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik Amerika Syarikat (NASA), suhu purata global adalah 0.93 darjah Celsius di atas paras biasa dicatat setiap Jun (berdasar-

kan suhu dicatat antara 1951-1980) dengan peningkatan 0.82 darjah Celsius pada 2016.

Jun lalu menyaksikan gelombang panas teruk melanda Eropah Barat apabila 13 kawasan di Perancis mencatat suhu tertinggi pernah direkodkan.

Suhu tertinggi akibat gelombang panas 45.9 darjah Celsius dicatat di Gallargues-le-Montueux, adalah peningkatan 3.2 darjah di atas rekod lama, keti-

ka gelombang panas pada Julai dan Ogos 2003.

NASA adalah institusi kedua mengesahkan Jun adalah bulan paling panas dicatat bumi ketika Perkhidmatan Perubahan Iklim Copernicus sudah menentukan Jun 2019 adalah bulan paling panas di Eropah dan peringkat global.

Bulan sama mencatat suhu sederhana luar biasa di Artik, terutama di Greenland di mana musim ais mencair bermula le-

bih awal.

Julai pula memaparkan suhu tinggi agak ekstrem, terutama di Nunavut, Kanada, lokasi tidak berpenghuni paling utara di bumi yang mencatat suhu 21 darjah Celsius Ahad lalu, memecahkan rekod terdahulu 20 darjah Celsius.

Sebagai tambahan, minggu lalu Alaska mencatat dua hari paling panas, dengan suhu 32.2 darjah Celsius di Anchorage buat kali pertama. Agensi



LAMPIRAN 18  
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 68  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)



LAMPIRAN 19  
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 70  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

AFFORESTATION EFFORTS

# ICELAND ON GREEN PATH

Iceland plans to revive forests razed by the Vikings in times of old

REYKJAVIK

**B**EFORE being colonised by the Vikings, Iceland was lush with forests but the fearsome explorers razed everything to the ground and the nation is now struggling to reforest the island.

The country is considered the least forested in Europe. Indeed, forests in Iceland are so rare, or their trees so young, that people often joke that those lost in the

woods only need to stand up to find their way.

However, it wasn't always that way. When seafaring Scandinavians set off from Norway and conquered the uninhabited North Atlantic island at the end of the ninth century, forests of mostly birch trees covered more than a quarter of the island.

Within a century, the settlers had cut down 97 per cent of the original forests to serve as building material for houses and to make way for grazing pastures.

The forests' recovery had been made all the more difficult by the harsh climate and active volcanoes, which periodically cover the soil with lava and ash.

According to a report published in 2015 by the United Nations Food and Agriculture Organisation,

forests now only cover 0.5 per cent of the island's surface.

The lack of trees means there aren't any vegetation to protect the soil from eroding and to store water, leading to extensive desertification despite the country's far northern location.

Reforestation efforts since the 1950s and especially the 1990s have helped the rocky landscape regain some of the greenery and efforts are ongoing.

In Hafnarsandur, a 6,000ha area of basalt and black sand in Iceland's southwest, authorities have tasked the Icelandic Forest Service with turning the lunar-like landscape into a forest.

"This is one of the worst examples of soil erosion in Iceland on low land," said Hreinn Oskarsson, the service's head of strategy.

Armed with a red "potti-putki", a tube-shaped tool of Finnish design, Oskarsson is planting lodgepole pines and Sitka spruces, two species of North American conifer trees, in an attempt to protect the nearby town of Thorlakshofn from recurring dust storms.

"We are planning an afforestation project to stabilise the soil," Oskarsson added.

At the foot of Mount Esja, which overlooks the capital here, is Mogilsa, where the Icelandic

Forest Service's research division is located. Dozens of nursery gardens have been set up throughout the country to facilitate the afforestation efforts.

The Icelandic government has identified trees' carbon uptake as one of the country's ways of mitigating climate change. Paradoxically, climate change is also giving tree growth a boost.

Since 2015, between three and four million trees have been planted in Iceland, the equivalent of about 1,000ha in expanse.

That, however, is only a drop in the ocean compared to the six to seven million hectares planted in China over the same period. **AFP**



A stream flowing through Mogilsa Forest close to Reykjavik, Iceland on May 21. The country is considered the least forested in Europe. AFP PIC



LAMPIRAN 20  
HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 39  
TARIKH: 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

